


TAWANAN KOMANDER CAUCASUS



KELAS 1 ARIF
SEKOLAH MENENGAH SERI
KENCANA



KERAJAAN KUMBANG



PLOT-PERMULAAN

Kim Yong hilang



Semasa mencari kumbang di pinggir hutan di kampungnya

Farhani dan rakan-rakan



Melawat ibu Kim Yong bagi menzahirkan rasa simpati

Setelah sebulan berlalu peristiwa kehilangan Kim Yong



Cikgu Salimah memberikan tugas mencari kumbang-menjayakan zoo mini di sekolah

Farhani, Chea Mei dan Mira



Diberikan tugas mencari kumbang



PLOT-PERKEMBANGAN

Farhani, Chea Mei dan Mira



Diberikan tugas mencari kumbang

Farhani, Chea Mei dan Mira



Bersepakat mencari kumbang di dusun datuk

Farhani tiba awal



Mencari kumbang terlebih dahulu

Rumah usang



Farhani menemukan rumah usang-
menuruni anak tangga ke ruang bawah
-dimensi kerajaan kumbang-ditangkap
oleh tentera komander Caucasus

Chea Mei dan Mira



Tiba di dusun-2 jam menunggu-namun
Farhani tiada disitu-pergi ke rumah
Farhani



PLOT-PERKEMBANGAN

Farhani hilang



Berita kehilangan Farhani tersebar luas- Cikgu Salimah rasa bersalah-bersepakat dengan murid 1 Arif untuk mencari Farhani

**Cikgu Salimah,
Mira, Chea Mei,
Haikal, Devnath
dan Wei**



Pergi ke dusun mencari Farhani

**Sapu tangan merah
jambu**



Haikal menemukan sapu tangan merah jambu milik Farhani di ruangan bawah rumah usang-bercadang untuk memasuki rumah tersebut pada sebelah malam bersama rakan-rakannya



PLOT-PERUMITAN/ KONFLIK



Farhani di tawan



Memasuki dimensi kerajaan kumbang-
namun telah ditawan oleh tentera
Komander Caucasus-di bawa oleh Bara
menghadap Maharaja Tanduk-

Tabung Uji



Farhani dikurung di dalam sebuah
tabung uji di sebuah makmal rahsia-
telah bertemu Kim Yong di sebelah
tabung ujinya

Komander Caucasus



Mengarahkan tenteranya memburu,
menangkap dan membunuh Puteri
Coleptera.

PLOT-PERUMITAN/ KONFLIK

Berpindah-randah

Puteri Coleoptera dan pengikut setianya Bara dan Dara Bintik terpaksa berpindah dan menyembunyikan diri



Bara membawa Farhani bersama

Sebelum melarikan diri, Bara dan Dara Bintik membuka balang kaca dan membawa Farhani keluar- Kim Yong sempat ditarik oleh Farhani bersama-sama mengikut Bara-bersembunyi di dalam hutan

Haikal, Devnath dan Wei

Kembali ke rumah usang pada sebelah malam untuk mencari Farhani-namun telah ditawan oleh tentera kumbang Bara

PLOT-PERUMITAN/ KONFLIK



**Haikal, Devnath
dan Wei**



di bawa ke khemah tempat Farhani dan Kim Yong berpindah setelah melarikan diri-terkejut apabila berjumpa dengan Farhani dan Kim Yong

Minta pertolongan



Puteri Coleptera meminta pertolongan daripada Farhani dan rakan-rakan untuk menumpaskan komader Caucasus

**Mengkhianati
Puteri Coleoptera**



Dara Bintik mengkhianati Puteri dengan memberitahu tempat persembunyian mereka kepada komander Caucasus

PLOT-PUNCAK / KLIMAKS

**Farhani dan Kim
Yong**



Berjaya bersembunyi daripada
ditangkap oleh tentera
komander Caucasus

**Komander Caucasus
marah**



Farhani dan Kim Yong yang
ingin dijadikan bahan uji kaji
terlepas

Dara Merah



Farhani dan Kim Yong ditangkap oleh
Dara Merah-memberitahu bahawa
mereka pengikut setia Puteri
Coleoptera-meminta bantuan Farhani
dan Kim Yong untuk menyelamatkan Puteri.



PLOT-PELERAIAN

**Farhani, Kim Yong,
Darah Merah dan
kunang-kunang**



Merancang strategi untuk
membebaskan Puteri
Coleoptera dan rakan-rakan
Farhani

Cecair Endosulfan



Farhani memberikan cecair
tersebut kepada Dara Merah-
boleh membunuh kumbang

**Penyamaran Dara
Merah**



Dara Merah telah menyamar sebagai
Dara Bintik- memberi minuman kepada
komander Caucasus-komander
tersungkur



PLOT-PELERAIAN

Menyelamatkan rakan-rakan dan Puteri serta tahanan yang lain



Sementara itu Farhani dan Kim Yong pergi menyelamatkan rakan-rakannya di dalam penjara-dikejar oleh tentera Caucasus-menyembur cecair endosulfan

Dipenjarakan



Komander Caucasus, Dara Bintik dan pasukan tenteranya di kurung

Puteri Coleoptera ditabal



Puteri ditabal sebagai tonggak kerajaan kumbang-Farhani dihadahi lambang kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada logam perak-sebagai balasan, Farhani menghadahi sapu tangan merah jambu miliknya



PLOT-PELERAIAN

Halimunan



Mereka pulang ke dunia manusia-namun tidak dapat dilihat oleh manusia akan kehadiran mereka-kembali ke dunia kumbang untuk mencari penawar

Serum



Diberi oleh Bara-gunakan untuk mengembalikan keadaan Farhani dan rakan-rakan semula agar tidak menjadi halimunan

Berjaya pulang



Akhirnya mereka berjaya pulang kepangkuan keluarga dengan selamat.



SOALAN



Watak sampingan diwujudkan bagi menyokong watak dalam sesebuah cerita selain berperanan untuk menyempurnakan plot dalam sesebuah cerita.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, nyatakan satu latar masyarakat yang dapat dikaitkan dengan watak sampingan yang diberikan. Anda perlu memberikan contoh peristiwa untuk setiap latar masyarakat yang dinyatakan.

Novel	Latar masyarakat yang dapat dikaitkan dengan watak sampingan
Tawanan Komander Caucasus	Kim Yong, Bara
Hempasan Ombak	Zuraida, Mukhtar
Chot	Pak Din, Leha
Justeru Impian Di Jaring	Haji Marzuki, Kak Uda Syahrizah

JAWAPAN

Kata kunci!!

Kim Yong = angkuh , rakan sekelas , menyendiri , hilang

Bara= setia , Puteri Coleoptera , Komander Caucasus, kerajaan kumbang

Novel yang saya pelajari ialah **Tawanan Komander Caucasus**. Latar masyarakat yang dapat dikaitkan dengan watak sampingan iaitu **Kim Yong** ialah **masyarakat yang tidak peramah dan angkuh**. Contohnya, Kim Yong **tidak mahu bergaul dengan rakan-rakan sekelasnya** walaupun mereka berusaha untuk mendekatinya. Oleh sebab itu, Kim Yong tidak disukai oleh rakan-rakan sekelasnya. **Kim Yong pula lebih suka menyendiri dan membuat hal sendiri**. Malah selepas dilaporkan hilang, **masih ada antara rakan-rakan sekelasnya yang menyindirnya** kerana sifat angkuhnya itu. Latar masyarakat yang dapat dikaitkan dengan **watak Bara** pula ialah **masyarakat yang setia kepada tuannya**. Contohnya, Bara tetap menunjukkan **kesetiaannya kepada Puteri Coleoptera** iaitu anak mendiang maharaja yang **menjadi tuannya sebelum ini**. Dia **cuba menyelamatkan Puteri Coleoptera apabila ingin dibunuh** oleh Komander Caucasus. **Ia tidak menyukai Maharaja Tanduk dan Komander Caucasus** yang telah menyingkirkan waris takhta kerajaan kumbang itu.